
JOM DAFTAR!
DAPATKAN VAKSIN ANDA
PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 MAC, 2021
PENANG 2030
# BULETIN MUTIARA
PERCUMA
BERSATU DAN SETIA
www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Mutiara Food Bank
## selamatkan makanan, manfaat golongan perlu

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & MFB**

**ISU** lebihan makanan bukan perkara asing bagi negara ini dan amat mengejutkan apabila laporan menunjukkan rakyat Malaysia menghasilkan 15,000 tan lebihan makanan setiap hari.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,000 tan lebihan makanan dikategorikan masih elok dan selamat untuk dimakan, malah jika ia diagihkan secara optimum, kuantiti tersebut dapat memanfaatkan golongan yang memerlukan.

### Latar belakang penubuhan

Atas dasar untuk 'selamatkan makanan' dan mengelakkan pembaziran, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2017 telah memulakan inisiatif menubuhkan Mutiara Food Bank (MFB) dan menjadi Kerajaan Negeri pertama dalam negara yang menaja sepenuhnya operasi bank makanan di peringkat negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MFB, **MUHAMMAD ZAKWAN MUSTAFA KAMAL**, 24, memberitahu bahawa objektif utama penubuhan MFB adalah untuk menyelamatkan lebihan makanan yang masih elok untuk dimakan dari pasar raya, dapur-dapur hotel dan lain-lain lokasi agar ia boleh diagihkan kepada golongan memerlukan seperti asnaf serta keluarga kurang berkemampuan.

"Justeru, projek rintis pertama di bawah MFB ini telah dimulakan pada Mei 2017 dekat Parlimen Permatang Pauh membabitkan tiga Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) iaitu Permatang Pasir, Seberang Jaya dan Penanti.

"Hasil daripada kerjasama dan tunjuk ajar daripada *Food Aid Foundation* (FAF), projek rintis yang dilaksanakan ketika itu berjaya mendapat sokongan daripada sebuah pasar raya Tesco (Tesco) di Pulau Pinang, tetapi kini MFB bergerak teguh dengan jalinan kerjasama membabitkan lapan buah pasar raya berkaitan di seluruh Pulau Pinang dan selatan Kedah " kongsinya yang telah menerajui pengurusan MFB sejak berusia 19 tahun lagi.

Demi kelangsungan bantuan setiap hari, MFB yang bergerak dengan kapasiti pengurusan seramai lapan kakitangan beroperasi 365 hari setahun.

Diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kebajikan, MFB diketuai oleh Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh dan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow selaku penasihat.

Difahamkan pada tahun ini, MFB menerima suntikan modal sejumlah RM300,000 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan operasinya.

### Komponen pengurusan MFB

Pengurusan MFB dibahagikan kepada tiga komponen iaitu penyumbang, penggerak dan penerima.



VAN khas MFB yang digunakan.


MUHAMMAD Zakwan Mustafa Kamal.

Mengulas lanjut, Muhammad Zakwan memberitahu bahawa selain Tesco, pihaknya juga banyak menerima bantuan daripada syarikat korporat serta pihak individu.

"Daripada segi sumbangan, sememangnya kita hanya menerima sumbangan berbentuk barangan dan keperluan sahaja, MFB tidak sesekali menerima bantuan dalam bentuk tunai.

"Seperti Tesco, sumbangan makanan dibahagikan kepada dua kategori iaitu *'produce'* seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta *'bakery'* yang terdiri daripada kek, roti, piza serta sebagainya.

"Manakala, kerjasama yang dijalinkan dengan sektor korporat membolehkan MFB kini mempunyai *chiller truck*, dan hampir 30 orang perseorangan yang turut berdaftar dengan MFB sebagai penyumbang tetap," jelasnya lanjut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Penyelaras KADUN, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), kariah masjid, badan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan merupakan penggerak untuk mengagihkan sumber bantuan di setiap kawasan.

Disoal mengenai kriteria keluarga dan individu yang layak untuk menerima sumbangan, Muhammad Zakwan menyatakan bahawa kebanyakan data penerima diperoleh daripada i-Sejahtera Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada golongan ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), anak yatim, asnaf, orang-orang tua dan permohonan terus yang dibuat ADUN atau menerusi *Facebook* MFB.

"Sehingga kini, MFB mengagihkan bantuan bank makanan di lapan parlimen dan 32 Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan jumlah keseluruhan penerima seramai 15,715 (Januari sehingga September 2020).

"Manakala, pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dari 18 Mac sehingga 30 September 2020, sejumlah 5,100 bantuan telah diedarkan kepada isi rumah yang terkesan ekoran penularan pandemik tersebut," maklumnya.

Sebagai rekod, sejumlah 150 tan atau bersamaan 150,000 kilogram (kg) sayur-sayuran dan buah-buahan serta 11 tan (11,000kg) roti, kek, piza berjaya 'diselamatkan' dari tempoh Januari sehingga September 2020.

*(Sambungan di muka 15).*

# Pusat R&D cipta peluang pekerjaan nilai tinggi, kekal bakat sedia ada

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**


ABDUL Halim Hussain.

**PULAU PINANG** memerlukan satu *'blueprint'* baharu untuk merangka pertumbuhan ekonomi negeri bagi jangka masa panjang iaitu sehingga 2050.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, **DATO' ABDUL HALIM HUSSAIN** berkata bahawa adalah penting untuk Pulau Pinang meneliti kembali kekuatan ekonomi selepas beralih kepada negeri perindustrian sejak 50 tahun lalu (1970-an).

"Sebelum ini, Pulau Pinang memfokuskan industri elektrik dan elektronik (E&E). Tetapi sekarang, kita juga memberikan tumpuan kepada pengeluaran peralatan perubatan, aeroangkasa, pertahanan, kereta api (pengangkutan rel) dan *Internet of Things* (IoT).

"Jadi, untuk masa akan datang, kita tidak boleh hanya bergantung kepada industri semikonduktor semata-mata," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di pejabatnya dekat Komtar 26 Januari lalu.

Abdul Halim berkata, pemain-pemain industri juga perlu memberikan tumpuan kepada pembuatan reka bentuk asal (ODM) yang memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengekalkan bakat supaya Pulau Pinang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Pulau Pinang telah melahirkan banyak bakat, jadi sudah tiba masanya kita mendirikan pusat R&D untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi bagi mengekalkan bakat-bakat yang ada.

"Setelah 50 tahun mengalami revolusi industri, kita dilihat masih lagi terlalu bergantung kepada syarikat-syarikat multinasional yang memfokuskan pengeluar kontrak atau pengilang peralatan asal atau OEM," jelasnya.

Tambah Abdul Halim, Pulau Pinang berhasrat untuk menubuhkan pusat R&D berkaitan, bagaimanapun ia memerlukan kos yang tinggi dengan anggaran permulaan RM50 juta dan adalah diharapkan akan adanya kerjasama agensi serta bantuan daripada Kerajaan Pusat.

Malah, beliau juga difahamkan bahawa dalam Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2021-2025, negeri Pulau Pinang akan memainkan peranan penting sebagai pusat R&D dan teknologi tinggi dalam bidang E&E, M&E (Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrik), aeroangkasa, peranti perubatan dan pertanian pintar yang mana bakal merancakkan pembangunan industri serta tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"Justeru, adalah diharapkan satu kerjasama dapat dibentuk untuk menjayakan inisiatif tersebut," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Halim mengakui bahawa Malaysia berdepan dengan persaingan sengit kerana kebanyakan syarikat gergasi seperti *Tesla, Hyundai, Toyota* dan *Amazon* kini memilih untuk melabur di Indonesia, sementara Vietnam dan Thailand pula menjadi pilihan bagi syarikat E&E.

Walau bagaimanapun kata beliau, Pulau Pinang bernasib baik kerana berjaya mencatatkan pelaburan berjumlah RM16.9 bilion dalam sektor pembuatan yang diluluskan pada tahun 2019, yang mana sebanyak RM15 bilion telah disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (FDI).

"Pulau Pinang telah mencapai RM10.6 bilion jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan untuk sembilan bulan pertama tahun lepas (Januari hingga September 2020), dengan 83 peratus adalah daripada FDI.

"Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri sudah cukup gembira sekiranya Pulau Pinang mampu mencatatkan jumlah FDI sektor pembuatan separuh daripada tahun lepas, mungkin RM5 bilion atau RM6 bilion kerana kita berdepan dengan keadaan yang amat mencabar.

"Kita (Kerajaan Negeri) akui bahawa FDI amat penting tetapi pada masa yang sama, kita (Kerajaan Negeri) juga perlu membina kekuatan sendiri untuk syarikat-syarikat besar tempatan.

"Hal ini kerana Pulau Pinang mempunyai beberapa syarikat multinasional yang dikendalikan 100 peratus oleh rakyat tempatan. Ini membuktikan bahawa kita (Pulau Pinang) mempunyai bakat dan harus berusaha untuk meningkatkannya," ujarnya.

Mengulas lanjut, Abdul Halim menyatakan bahawa syarikat berasaskan teknologi pada umumnya tidak terlalu terkesan berbanding sektor pembuatan, perhotelan dan perkhidmatan (borong serta runcit) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang berkuat kuasa kini.

Beliau berkata, empat buah kilang di Pulau Pinang yang telah ditutup pada tahun lalu bukan disebabkan pandemik COVID-19 sebaliknya berpunca daripada perubahan strategi perniagaan.

"Pandemik COVID-19 telah mengajar kita untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah kerana ia telah menafikan peluang pekerjaan bagi warga tempatan.

"Justeru, kita perlu melatih rakyat tempatan untuk meningkatkan kemampuan serta kemahiran bagi membolehkan mereka menjana pendapatan yang lebih tinggi.

"Selain itu, pengilang-pengilang juga disarankan supaya menyesuaikan diri dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dengan beralih kepada automasi dan robotik," ulasnya.

Dalam pada itu, Abdul Halim turut menyeru peniaga-peniaga tempatan supaya memanfaatkan geran dan pinjaman yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan.

Sebagai contoh, menurut beliau, di bawah Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang atau Skim Peka PKS, Kerajaan Negeri menawarkan pinjaman sehingga RM50,000 kepada industri kecil dan sederhana (IKS) serta pinjaman hingga RM20,000 kepada perniagaan mikro atau perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Setakat ini tambah beliau, seramai 1,651 usahawan telah menerima manfaat daripada skim tersebut melibatkan peruntukan berjumlah RM28.74 juta.

Selain itu, Abdul Halim turut menjelaskan bahawa pada tahun 2019, seramai 1,060 usahawan telah dilatih di bawah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu mereka menjalankan perniagaan secara dalam talian.

"Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan *Shopee* melalui suntikan dana sebanyak RM500,000 selama enam bulan mulai Jun hingga Disember 2020 untuk membantu peniaga mikro memasarkan produk mereka di platform e-dagang,'' jelasnya.

Abdul Halim berkata bahawa usaha sama yang dinamakan sebagai *Penang E-Mall* itu terbukti berjaya kerana telah menghasilkan nilai jualan sebanyak RM6 juta.

"Jumlah usahawan (peniaga) yang menggunakan platform ini meningkat daripada 5,051 orang pada bulan Jun kepada 15,111 (Disember 2020) iaitu peningkatan sebanyak 10,000 atau 300 peratus.

"Bagi sektor halal pula, jumlah peniaga meningkat daripada 36 orang pada bulan Jun kepada 717 (Disember 2020).

"Ini perkembangan yang sangat baik. Oleh itu, untuk tahun ini, kita akan bekerjasama bukan sahaja dengan *Shopee* tetapi juga dengan platform lain seperti *Lazada*.

"Kita juga akan bekerjasama dengan semua penyedia perkhidmatan penghantaran seperti *DeliveryEat, Foodpanda* dan *GrabFood* untuk merangsang lagi ekonomi penduduk tempatan," ulasnya.

Jelas Abdul Halim, bagi mendorong peniaga mikro terlibat dalam e-dagang, Kerajaan Negeri membekalkan 350 unit komputer riba kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dengan kos keseluruhan berjumlah RM320,950.

"Ini selaras dengan Visi Penang2030 iaitu untuk meningkatkan pendapatan kumpulan B40 supaya mereka tidak ketinggalan dalam era digital dan bagi tujuan ini, mereka memerlukan komputer.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberi perhatian terhadap peniaga pasar malam, pasar tani serta penjaja berlesen dengan mengedarkan 1,000 khemah sejak 2019," ujarnya.



Oleh: **AZMI HUSSIN**

# PDC pastikan projek berkepentingan siap

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir menyaksikan majlis penyerahan kunci kepada pemilik-pemilik unit projek perumahan mampu milik Jiran Residensi, Kampung Jawa yang diadakan secara maya.

Turut serta, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar.

Kon Yeow dalam ucapannya memberitahu bahawa Jiran Residensi merupakan projek ketiga Skim Rumah Mampu Milik (RMM) yang dibina oleh Kerajaan Negeri dan PDC di negeri ini.

"Projek ini dibina di atas tanah seluas 8.84 ekar bermula pada 17 November 2014 dan berjaya memperoleh Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada 26 Januari 2021.

"Kos pembangunan keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM126 juta dibiayai melalui dana Perumahan Mampu Milik yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM500 juta.

"Selain dilengkapi dengan fasiliti asas, Jiran Residensi juga terletak di lokasi yang strategik dan mudah diakses kerana berdekatan dengan *Penang Sentral*, pasar awam, terminal bas, sekolah serta kawasan perindustrian," katanya pada majlis pada 4 Februari lalu.

Kon Yeow menyatakan bahawa meskipun berdepan dengan kesulitan semasa tempoh pandemik COVID-19, namun PDC berjaya memastikan projek-projek berkepentingan rakyat dapat disiapkan dalam tempoh masa ditetapkan.

Tambah beliau, sehingga kini, PDC sebagai pemaju bertanggungjawab telah berjaya menyiapkan 1,921 unit Rumah Mampu Milik termasuk Jiran Residensi.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan jemputan dan wakil-wakil berkaitan yang menyertai majlis penyerahan kunci projek perumahan mampu milik Jiran Residensi, Kampung Jawa yang diadakan secara maya di sini baru-baru ini.**

"Sebanyak 535 lagi unit masih dalam pembinaan dan 14,896 unit sedang dalam perancangan," ujarnya.

Difahamkan, Jiran Residensi adalah terdiri daripada dua blok iaitu Menara A yang menempatkan unit RMM berharga antara RM250,000 hingga RM275,000 dan mempunyai 35 tingkat dengan 354 unit.

Menara B pula merupakan pangsapuri kos sederhana rendah berharga RM72,500 yang terdiri daripada 25 tingkat dengan 353 unit dan menjadikan keseluruhannya adalah sebanyak 707 unit.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan pendekatan baru untuk membekalkan lebih banyak unit rumah mampu melalui kaedah Sewa Beli (RTO).

"Setakat ini, kita ada 2,474 unit rumah mampu milik yang siap untuk diagihkan melalui kaedah Sewa Beli," ulasnya.

# Geran bantuan RM300,000 bantu koperasi kekal daya maju

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang meluluskan geran bantuan berjumlah RM300,000 kepada koperasi-koperasi yang layak di negeri ini di bawah inisiatif *'PENANG2030 Coop Grant'*.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa geran bantuan tersebut bertujuan membantu koperasi khususnya koperasi asas untuk menjalankan perniagaan sekali gus kekal berdaya maju.

"Geran ini bakal diuruskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang selaku urus setia yang akan memproses permohonan bantuan tersebut.

"Koperasi yang layak memohon geran bantuan ini perlu memenuhi syarat-syarat ditetapkan seperti berdaftar di negeri Pulau Pinang, tiada tunggakan akaun teraudit, mengadakan mesyuarat agung tahunan serta mempunyai projek ekonomi berdaya maju.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.**

"Selain itu, geran bantuan yang dipohon adalah maksimum sebanyak RM15,000 bergantung kepada jenis projek atau perniagaan yang dijalankan.

"Skop geran pula adalah termasuk pembangunan infrastruktur, mesin serta modal pusingan," katanya ketika merasmikan Majlis Pelancaran PENANG2030 Coop Grant di sini 2 Februari lalu.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang, Zakaria Mat Jusoh serta Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Nazrulizam Kamaruddin.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin berharap agar inisiatif tersebut dapat memberi manfaat kepada gerakan koperasi sekali gus memperkasakan komuniti serta meningkatkan lagi ekonomi rakyat Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang dalam memperkasakan lagi agenda koperasi di negeri ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Zakaria memaklumkan bahawa sebanyak 746 koperasi telah didaftarkan di negeri ini dengan jumlah keanggotaan seramai 172,000.

Tambah beliau, jumlah pendapatan yang dicatatkan oleh gerakan koperasi di Pulau Pinang pula adalah berjumlah RM162.6 juta pada tahun 2020 iaitu berkurangan sebanyak 56 peratus berbanding RM289 juta pada tahun sebelumnya.

"Pengurangan jumlah pendapatan ini adalah disebabkan penularan COVID-19 yang mana kebanyakan koperasi tidak dapat menjalankan aktiviti tahunan yang boleh menjana pendapatan," katanya.

Mengulas lanjut, Zakaria memberitahu bahawa sebanyak 30 peratus koperasi di Pulau Pinang dikategorikan sebagai tidak aktif dan dorman kerana tidak menjalankan aktiviti selain kekurangan anggota serta modal untuk menjalankan perniagaan.

"Walau bagaimanapun, pihak suruhanjaya tetap komited untuk terus membantu gerakan koperasi di negeri ini melalui kempen bagi meningkatkan jumlah keanggotaan," ujarnya.

Bagi tujuan itu beliau menyatakan bahawa suruhanjaya telah menubuhkan Koperasi Rakyat Pulau Pinang Berhad (KOPIN) dengan menyasarkan seramai 500,000 orang berdaftar sebagai anggota koperasi menjelang akhir tahun 2022.

"Sasaran ini ditetapkan supaya pengumpulan dana lebih kukuh dapat dicapai bagi melaksanakan aktiviti yang memberi manfaat kepada anggota serta meningkatkan taraf sosial ekonomi rakyat di negeri ini," ulasnya.



# Kluster Penjara, cabaran diatasi hasil sokongan pelbagai pihak

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SEGALANYA** bermula dengan seorang tahanan reman berusia 60-an yang tiba-tiba pengsan pada 6 Oktober 2020 di Penjara Reman Pulau Pinang dan seterusnya disahkan meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang (HPP).

Itu adalah kronologi ringkas bermulanya episod penularan jangkitan COVID-19 di Penjara Reman Pulau Pinang, jelas Pengarah Jabatan Penjara Pulau Pinang, Timbalan Komisioner Penjara (TKP) **ROSLAN MOHAMED**.

"Apabila dapat tahu beliau positif COVID-19, terus berdebar, timbul kebimbangan lalu kita minta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) buat ujian calitan berfasa hingga berjaya mengesan seramai 441 tahanan reman positif di sini (pulau) manakala, Penjara Seberang Perai dekat Jawi mencatatkan 553 kes positif termasuk seorang bayi.

"Cabaran berlaku apabila terdapatnya peningkatan kes hari demi hari dengan ujian saringan mula dilaksanakan, ditambah pula ada kalangan ahli keluarga (banduan) yang mula menangis-nangis menghubungi kita minta penjelasan dan sebagainya berhubung kes tersebut.

"Kebimbangan pada waktu itu juga berkisar mengenai cara untuk mengasingkan tahanan positif serta tahanan negatif, maklumlah sini sesak, jadi kadar kebolehjangkitan itu tinggi," ujar Roslan dalam sesi temu ramah bersama-sama Buletin Mutiara berhubung cabaran 'serangan' pandemik COVID-19 di lokasi-lokasi seliaan beliau sehingga membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Berdepan dengan pelbagai kekurangan, pihak penjara juga mengambil inisiatif proaktif mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Berisiko Rendah di Penjara Reman Pulau Pinang dengan mengubah suai bengkel sedia ada kepada penginapan sementara banduan yang terkesan.

"Cabaran juga timbul daripada segi kekurangan peralatan perlindungan peribadi (PPE), topeng muka dan lain-lain kelengkapan pada mulanya.

"Namun, saya bersyukur pada masa tersebut pelbagai pihak seperti badan kerajaan, pertubuhan sukarela hadir menghulurkan bantuan seterusnya membantu menangani kekurangan tersebut.

"Daripada satu pelitup muka yang dipakai dua hingga tiga hari, hasil bantuan, banduan boleh tukar pelitup muka sehari sekali, tahap kebersihan kendiri tahanan pun kita tingkatkan pada masa tersebut.

"Alhamdulillah, Kerajaan Negeri juga banyak memberikan bantuan termasuk pejabat Y.A.B. (Ketua Menteri), barisan Exco seperti YB Jagdeep Singh Deo, YB Phee Boon Poh, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Parlimen serta banyak lagi.

"Kekurangan di peringkat awal seperti kerja-kerja disinfeksi juga kita dapat atasi, untuk melakukan disinfeksi di kawasan penjara, kita belajar daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba).



ROSLAN Mohamed.

"Kita membuat peruntukan khas untuk membeli segala peralatan bagi mengatasi perebakan COVID-19 di penjara reman ini," ujarnya yang sudah 30 tahun berkhidmat dengan Jabatan Penjara Malaysia.

Dalam tempoh berkaitan, Roslan bersyukur hanya satu kes kematian dicatatkan oleh Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai.

Sebagai rekod, beliau memberitahu bahawa kakitangan Penjara Reman Pulau Pinang yang dijangkiti sebelum ini adalah seramai 22 orang, dan empat kes adalah melibatkan keluarga kakitangan dan Penjara Seberang Perai (13).

Mengulas mengenai langkah susulan ekoran pelaksanaan PKPD di kedua-dua penjara berkenaan, Roslan memberitahu bahawa pihaknya juga lebih berhati-hati apabila menerima 'tahanan import' dari negeri lain.

"Kita lebih berhati-hati kerana kita tidak mahu berlaku lagi jangkitan sehingga memberi kesan kepada statistik harian kes bagi negeri Pulau Pinang," jelas anak jati Kluang, Johor itu.

Menutup bicara, Roslan memberitahu bahawa walaupun banduan dan tahanan sering dipandang negatif, namun daripada sudut kemanusiaan, mereka juga perlu dilayan dengan hak asasi sewajarnya.

"Mereka masuk sini (penjara) dalam keadaan sihat, justeru, kita mesti pulangkan mereka (banduan) dalam keadaan sihat, tidak boleh sambil lewa dalam berhadapan dengan COVID-19 ini.

"Kebajikan mereka (banduan) perlu dijaga kerana kita tidak mahu jadi apa-apa berlaku terhadap mereka sehingga mendukacitakan keluarga terbabit," ulasnya yang sudah tiga tahun menabur bakti di Pulau Pinang.

# AADK sasar 'hijaukan' dua kawasan *'hotspots'*

**GEORGE TOWN** – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Pulau Pinang menyasarkan untuk 'menghijaukan' dua daripada tujuh Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) penagihan dadah yang dikenal pasti di negeri ini.

Pengarah AADK Negeri Pulau Pinang, Elmariah Chung memberitahu bahawa dua kawasan terlibat adalah Mukim 1 yang terletak di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) serta Mukim 21 di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) yang kini berstatus merah.

"Mukim 1 adalah melibatkan kawasan Penaga yang merangkumi Pulau Mertajam, Kuala Muda dan Bakau Tua.

"Manakala Mukim 21 pula melibatkan kawasan Guar Perahu dekat Penanti yang merupakan projek rintis AADK dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pegawai daerah.

"Inisiatif ini merupakan satu usaha rintis Kerajaan Negeri untuk menghijaukan kawasan Guar Perahu melalui inisiatif bersepadu bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah dan pelencongan sosial di kawasan terbabit.

"Ia dimulakan sejak September 2019 melalui beberapa sesi libat urus yang diadakan bersama-sama dengan pemimpin serta komuniti tempatan untuk mengetahui masalah dan isu yang dihadapi oleh mereka.

"Projek ini masih diteruskan sehingga kini dan menjelang Jun 2021, kita sasarkan kawasan Guar Perahu akan mencapai status hijau," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara dekat Bangunan Persekutuan baru-baru ini.

Difahamkan, empat lagi kawasan berisiko tinggi yang dikesan di Pulau Pinang adalah melibatkan Mukim 13 di Daerah Timur Laut serta Mukim 16, 19 dan 20 yang kesemuanya di Daerah SPT.

Elmariah berkata bahawa pihaknya amat menghargai sokongan dan peruntukan yang disalurkan oleh kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan gerak kerja bagi menghijaukan kawasan-kawasan terbabit.

Tambah beliau, yang terbaru adalah AADK bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam membangunkan sistem *i-REFER* yang berperanan untuk memetakan kawasan berisiko tinggi di negeri ini.

"Bagaimanapun, usaha menangani masalah dadah dan menghijaukan kawasan-kawasan berisiko tinggi memerlukan kerjasama semua pihak kerana jika AADK bertindak sendiri, sasaran ini tidak akan dapat dicapai," serunya.

Mengulas lanjut, Elmariah turut menjelaskan bahawa bagi mencapai sasaran tersebut, AADK turut menjalankan tindakan penguatkuasaan melalui beberapa operasi bersepadu bersama dengan agensi-agensi berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak kami (AADK) adalah lebih kepada mengesan dan menahan individu-individu terlibat dengan penyalahgunaan serta penagihan dadah untuk diberikan rawatan pemulihan.

"Dan untuk mengesan kumpulan ini, kami (AADK) perlu menjalankan operasi di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti atau berdasarkan maklumat yang diterima daripada orang awam.

"Melalui operasi bersepadu yang dijalankan sehingga kini, kita (AADK) telah berjaya membersihkan 11 daripada 25 kawasan penagihan dadah yang dikenal pasti di negeri ini," katanya.

Selain tindakan penguatkuasaan, Elmariah turut menjelaskan bahawa AADK juga menyediakan program rawatan dan pemulihan sama ada secara sukarela atau melalui perintah mahkamah.

"Bagi mereka yang mahu menjalani rawatan pemulihan secara sukarela, kita ada Klinik Cure & Care dekat Bukit Mertajam yang menyediakan perkhidmatan berkaitan.

"Mereka yang diterima masuk ke klinik ini akan menjalani rawatan pemulihan selama dua tahun," ulasnya.

# Kerjasama urus pandemik, terharu APM Pulau Pinang diiktiraf

**BULAN** September 2019 melapor diri sebagai Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pulau Pinang, tiga bulan berikutnya **CUTHBERT JOHN MARTIN QUADRA** memberitahu bahawa beliau tidak menyangka akan diberi tugas serta tanggungjawab yang begitu berat dalam menguruskan bencana COVID-19 di negeri ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri telah melantiknya sebagai Ketua Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri.

Justeru, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual beliau sempena hari terakhir berkhidmat di negeri ini pada 29 Januari, sebelum melaporkan diri secara rasmi sebagai Pengarah APM Melaka pada Isnin, 1 Februari 2021.

"Sepanjang saya berkhidmat di negeri Pulau Pinang ini, saya sangat beruntung kerana diberi ruang dan peluang berkhidmat serta saling bekerjasama dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Jaafar (Setiausaha).

"Saya begitu berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri kerana banyak memberikan tunjuk ajar, motivasi dan semangat bukan sahaja kepada saya, bahkan kepada semua ahli aktif serta ahli jemputan APM yang menyertai Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan daerah.

"Tidak dilupakan, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow iaitu Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah memberi pengiktirafan begitu tinggi kepada APM sebagai barisan hadapan semasa pelaksanaan (kali pertama) PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pada 18 Mac 2020, dan (pelaksanaan semula) PKP 2.0 (bermula pada 13 Januari 2021)," jelasnya kepada wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** di Komtar pada 27 Januari 2021.

Berusia 46 tahun, Curtbert John Martin memberitahu bahawa beliau sudah 11 tahun berkhidmat dengan APM.

Sebelum berkhidmat di Pulau Pinang, beliau pernah bertugas di Ibu Pejabat APM yang berpangkalan di Kajang, Selangor.

Selain itu, Curtbert John Martin sebelum ini juga pernah melaporkan diri dalam agensi Persekutuan yang sama di negeri kelahirannya iaitu Sabah.

Semasa mengetuai APM negeri Pulau Pinang, beliau memberitahu bahawa di bawah seliaannya terdapat kira-kira 400 ahli aktif, tidak termasuk ahli jemputan serta sukarelawan.

Berkongsi pengalaman menguruskan sumber APM negeri semasa PKP 1.0,Curtbert John Martin memberitahu bahawa beliau turut menimba pengalaman menguruskan orang awam yang masuk dari pintu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan dikuarantinkan di dua hotel khas di sini pada tempoh dua minggu sebelum dibenarkan kembali ke pangkuan keluarga masing-masing.

"Kita (APM) yang mengetuai pengurusan di kedua-dua pusat kuarantin tersebut, juga peringkat operasi bersama-sama Jawatankuasa Kesihatan Negeri di PIA.

"Di samping itu, APM juga diberi tanggungjawab mengetuai pengurusan operasi di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Berisiko Rendah.

"Peranan yang kita (APM) lakukan adalah dengan saling bekerjasama secara bersapadu dengan agensi-agensi lain sebagai barisan hadapan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang bertugas 24 jam (sehari).

"Pengoperasian pusat kuarantin yang diletakkan di bawah pengurusan APM adalah Kompleks Masyarakat Penyayang, Kompleks Sukan Balik Pulau dan Pusat Latihan Zakat (PULAZA)," ujarnya.

Menceritakan lagi pengalaman terlibat dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri semasa tempoh PKP 2.0,Curtbert John Martin memberitahu bahawa kerjasama yang diberikan oleh semua pegawai daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah adalah sangat membantu APM negeri.

Hampir 45 minit sesi wawancara berkaitan, beliau berharap APM selaku agensi Persekutuan akan terus berada dalam kesiapsiagaan menghadapi sebarang bentuk risiko bencana, bukan sahaja pandemik COVID-19, bahkan banjir dan sebagainya.

"Untuk menguruskan bencana di negeri ini, jawatankuasa bermesyuarat dua kali dalam seminggu berdasarkan keperluan semasa untuk memastikan tahap kesiapsiagaan menghadapi risiko bencana berada pada (kedudukan) tertinggi.

"Ini, demi memastikan kesinambungan (daripada aspek) keselamatan serta kesejahteraan khususnya komuniti di negeri Pulau Pinang ini terjamin dan dalam keadaan terkawal," ulasnya.

**CUTHBERT JOHN MARTIN, SELAMAT MELAPOR DIRI DI APM MELAKA!**




CUTHBERT John Martin Quadra.

## Status pembangunan lot tanah masjid Ayer Itam selesai

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini meluluskan permohonan pemberimilikan tanah seluas 13,111 meter persegi atau 3.24 ekar kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk tujuan tapak pembangunan Masjid Bandar Baru Ayer Itam termasuk tapak parkir.

Selain itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut meluluskan pemberimilikan tanah seluas 5,868 meter persegi atau 1.45 ekar yang dimohon oleh MAINPP untuk tujuan tapak pembangunan 'sekolah agama' yang menjalankan operasi Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti memberitahu bahawa dwi permohonan MAINPP itu telah pun dibawa ke Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri pada 3 Februari lepas dan disahkan pada 10 Februari 2021.

"Pada masa kini, MAINPP dalam proses mengemukakan permohonan pemberimilikan tapak KAFA tersebut kepada Pejabat Tanah Timur Laut.

"Diharapkan, keputusan ini dapat memberi manfaat untuk pembangunan spiritual dan pendidikan Islam khususnya di kariah Masjid Bandar Ayer Itam," jelasnya yang juga Yang Dipertua MAINPP merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal pada sidang media di sini 19 Februari lalu.

# Komited bantu peniaga kecil

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**MAJLIS** Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tetap komited untuk membantu penjaja dan peniaga kecil di negeri ini bagi mendepani cabaran dek penularan pandemik COVID-19 melalui kaedah pendigitalan.

Datuk Bandar MBPP, **DATO' AR. YEW TUNG SEANG** memberitahu bahawa sejak tahun lalu, pelbagai platform dalam talian telah diperkenalkan untuk membantu peniaga kecil serta penjaja memasarkan produk mereka secara maya.

"Ini kerana kita (MBPP) menyedari bahawa adalah sangat penting bagi mereka untuk menyesuaikan diri dalam suasana normal baharu dengan memanfaatkan platform secara dalam talian.

"Dan, kita (MBPP) dapati bahawa pendigitalan merupakan kaedah paling berkesan memandangkan pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada masa ini telah memberi kesan besar terhadap sektor perniagaan.

"Menyedari hakikat ini, MBPP telah memperkenalkan platform seperti *Business From Home* (BFH), *Business From Farm* (BFF) dan Jom Beli Online atau JBO @ MBPP untuk membantu peniaga memasarkan produk mereka secara berterusan.

"Berbanding BFH dan BFF, JBO @ MBPP merupakan yang paling berjaya apabila seramai 325 peniaga telah berdaftar untuk menggunakan platform ini.

"Inisiatif-inisiatif berkaitan menunjukkan bahawa sekarang adalah masa yang tepat untuk kita menggunakan teknologi dalam meningkatkan perkhidmatan e-dagang sekali gus mendorong orang ramai beralih kepada transaksi tanpa tunai," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 1 Februari lalu.



AR. YEW Tung Seang.

Dalam pada itu, Tung Seang menegaskan bahawa MBPP juga beriltizam untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Pulau Pinang walaupun masih berdepan keadaan mencabar pada tahun ini.

"Walaupun berdepan dengan pandemik COVID-19, perkhidmatan MBPP kepada penduduk tidak pernah berhenti dan semua usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar serta berdaya huni akan tetap diteruskan," ujarnya.

Tambah beliau, MBPP juga akan melakukan yang terbaik untuk memastikan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0 yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat diagihkan kepada kumpulan sasaran secepat mungkin.

"Banyak bantuan yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri perlu disalurkan melalui pihak Majlis terutama untuk penjaja dan peniaga kecil kerana kita mempunyai rekod lengkap mengenai mereka," katanya.

Selain bantuan Kerajaan Negeri, Tung Seang memaklumkan bahawa MBPP sendiri turut mengambil inisiatif mengurangkan beban ekonomi penduduk melalui pengecualian bayaran sewa kepada penjaja dan peniaga pasar malam selama empat bulan semasa PKP tahun lepas.

"Selain itu, kita juga mengadakan promosi cukai taksiran, memberi pengecualian bayaran sewa selama dua bulan untuk Rumah Sewa Kerajaan Negeri dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta lain-lain dengan kos yang ditanggung MBPP adalah sebanyak RM4 juta," ulasnya.

Mengulas mengenai peningkatan kes positif COVID-19 baru-baru ini, Tung Seang menyatakan bahawa seramai 2,000 kakitangan MBPP telah ditugaskan untuk memantau dan menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Cabaran utama yang kita (MBPP) hadapi adalah untuk memastikan semua rakyat mematuhi SOP kerana masih terdapat segelintir penduduk enggan memberikan kerjasama kepada pegawai bertugas.

"Walau bagaimanapun, tahap pematuhan penduduk Pulau Pinang masih lagi pada tahap sangat baik," ujarnya.

Selain berdepan kerenah orang awam, beliau memberitahu bahawa kakitangan MBPP yang bertugas di lapangan turut terdedah kepada jangkitan virus COVID-19.

"Pada masa ini, daripada lebih 2,000 kakitangan yang bertugas di barisan hadapan, kira-kira sembilan (orang) telah didapati positif COVID-19 tetapi mereka berada dalam keadaan stabil," ulasnya.

Justeru, Tung Seang menasihati agar penduduk di negeri ini supaya terus memberikan kerjasama untuk memutuskan rantaian penularan COVID-19 dan mengembalikan Pulau Pinang sebagai negeri zon hijau.

"Hampir semua perkhidmatan yang kita ada disediakan secara dalam talian. Jadi, orang awam disarankan supaya menyelesaikan semua urusan menggunakan perkhidmatan *online* bagi meminimumkan pergerakan sekali gus mengurangkan kes jangkitan," serunya.

# ZPP kutip RM130.9 juta, jumlah penerima meningkat

**GEORGE TOWN -** Sungguhpun ekonomi Pulau Pinang kian mencabar dek pandemik COVID-19, umat Islam serta semua pihak berkepentingan yang menyalurkan zakat menerusi Zakat Pulau Pinang (ZPP) wajar dipuji.

Menurusi kenyataan bertulis, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa daripada RM130.9 juta (RM130,857,624.07) yang berjaya dipungut bagi sepanjang tahun 2020, RM125,297,037.26 hasil kutipan zakat harta yang dikutip adalah menyamai peningkatan 7.6 peratus berbanding tahun 2019 (RM116,364,840.21).

Hasil kutipan zakat fitrah bagi tahun 2020 pula, beliau berkata, ZPP berjaya memungut sebanyak RM5,560,586.81 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak RM5,066,361.

Difahamkan, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti membentangkan Laporan Prestasi Kutipan Agihan ZPP tersebut selepas mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) agensi negeri di sini 4 Februari lalu.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, tahun 2020 menyaksikan bilangan pembayar zakat harta adalah seramai 70,677 orang berbanding 2019 (67,149).

"Jumlah ini menunjukkan peningkatan seramai 3,528 orang atau sebanyak 5.25 peratus," jelasnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menerusi e-mel.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut memuji para pembayar zakat menerusi potongan gaji bulanan atau Skim Sakinah.

"Prestasi kutipan zakat Skim Sakinah pada tahun 2020 adalah sebanyak RM58.2 juta berbanding 2019 (RM52.4 juta).

"Ini menunjukkan kadar peningkatan sebanyak RM5.7 juta atau 11 peratus," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Menyentuh soal agihan zakat kepada asnaf pula, Ahmad Zakiyuddin menyatakan bahawa sepanjang tahun 2020 menyaksikan ZPP berjaya mengagihkan sebanyak RM126.5 juta berbanding tahun 2019 (RM112.4 juta), dengan kadar peningkatan sebanyak 12.5 peratus.

"ZPP telah berjaya mengagihkan sebanyak 96.8 peratus daripada jumlah kutipan zakat pada tahun 2020 berbanding sekitar 91 peratus (2019)," ulasnya.

Menurut laporan prestasi yang disediakan ZPP, seramai 41,690 orang menerima zakat bagi tempoh sepanjang tahun 2020 berbanding tahun 2019 (31,821) dengan kadar peningkatan seramai 9,869 orang atau sebanyak 31 peratus.

Agihan berkenaan menurut pelaporan sama, termasuk kepada 27,532 penerima zakat dengan peruntukan sebanyak RM15.9 juta yang dilaksanakan oleh ZPP menerusi pakej bantuan khas bagi tempoh 22 Mac hingga 31 Disember 2020, iaitu ketika umat Islam di negara ini mengharungi pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi melandaikan perebakan virus COVID-19.

# Pemulihan ekonomi, keselamatan bandar raya diutamakan

**BULETIN** Mutiara baru-baru ini berpeluang mendapatkan ulasan lanjut daripada Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), **DATO' SR. ROZALI MOHAMUD** berhubung langkah-langkah pengawalan kesihatan awam yang dilaksanakan di seluruh Seberang Perai demi melandaikan semula lengkuk perebakan wabak COVID-19 semasa ini.

Menerusi wawancara eksklusif tersebut, Rozali memberitahu bahawa Pasukan Kerja COVID-19 dikenali sebagai *Crisis Management Task Force* yang ditubuhkan pada 18 Mac 2020 iaitu serentak dengan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali pertama diumumkan sebelum ini akan terus mendapatkan maklum balas daripada penduduk Seberang Perai demi memantapkan lagi penyusunan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada.

"Seramai 3,091 Wira Oren barisan hadapan diturunkan sepenuh masa bagi menjalankan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan kepatuhan SOP COVID-19 merangkumi kawalan di pasar-pasar awam, kompleks makanan, premis perniagaan, industri, taman rekreasi dan premis awam pada setiap hari termasuk Ahad dan cuti umum.

"(Dan) dengan usaha yang bersungguh-sungguh serta kerjasama penduduk, Seberang Perai telah menghasilkan pencapaian pematuhan cemerlang iaitu melebihi 98 peratus sejak PKP (1.0) diisytiharkan," jelasnya kepada wartawan, **ZAINULFAQAR YAACOB** pada 3 Februari 2021.

Selain itu, Rozali memberitahu bahawa MBSP akan memanfaatkan *Seberang Perai City Channel* (SPCC) yang ditubuhkan sebelum ini, iaitu platform perbincangan secara dalam talian menerusi *Facebook*, *YouTube* dan *Instagram*.

"Program ini diadakan pada setiap minggu, memberi ruang kepada warga Seberang Perai untuk berinteraksi dengan Datuk Bandar secara langsung serta mendengar rintihan mereka," ujarnya sambil merakamkan penghargaan atas inovasi persembahan yang dilakukan oleh Unit Media dan Protokol pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Sehingga kini, menurut Rozali, SPCC mendapat sambutan hangat setiap kali disiarkan dengan jumlah penonton antara 10,000 hingga 350,000 orang.




SR. Rozali Mohamud menunjukkan salinan Pelan Pemulihan Ekonomi MBSP pada sidang media baru-baru ini.

## Program rangsangan ekonomi rakyat

Di samping itu, Rozali menjelaskan bahawa sejak PKP 1.0, pentadbirannya telah melancarkan 15 Pelan Pemulihan Ekonomi demi merancakkan ekonomi penduduk Seberang Perai.

Selain 15 program pemulihan ekonomi, Rozali menyatakan bahawa pentadbirannya turut mewujudkan program bank makanan *(Food Bank)* untuk kakitangan PBT yang bertugas di barisan hadapan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.

"Food Bank Wira MBSP yang pertama di Malaysia untuk memastikan wira barisan hadapan dapat menumpukan perhatian kepada penyampaian perkhidmatan terhadap rakyat tanpa dibimbangi keperitan hidup keluarga," ulasnya sambil memberitahu bahawa acara agihan sumbangan dilaksanakan sekali pada tiap-tiap bulan.

Bukan setakat itu sahaja, kata beliau, pentadbirannya turut melaksanakan beberapa program kebajikan lain, antaranya:

• 33 wira barisan hadapan MBSP telah ditawarkan rumah mampu milik menerusi program *Housing Democracy* dengan sokongan Kerajaan Negeri pada 18 Disember 2020;

• Di bawah Program Pertanian Bandar, 50 wira barisan hadapan mulai Mac 2021 dipilih untuk menyertai projek perintis berupa program latihan menanam sayur-sayuran oleh Unit Eko Komuniti MBSP, lengkap dengan bekalan benih serta baja kompos;

• Penyertaan wira barisan hadapan dalam program reka bentuk dan pembangunan sistem hidroponik iaitu pemindahan ilmu melalui skim latihan vokasional sambil bekerja.

## Ke arah pendigitalan perkhidmatan

Di sebalik pandemik COVID-19, salah satu aspek positif adalah mempercepatkan proses pendigitalan perkhidmatan PBT berkenaan.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa kalau boleh pentadbirannya berusaha untuk mengurangkan kekerapan bersemuka dengan pelanggan demi membantu memutuskan semua rantaian perebakan virus COVID-19.

Setakat ini, menurut beliau, antara usaha yang telah pun dilaksanakan adalah 100 jenis perkhidmatan yang ditawarkan di kaunter-kaunter berpusat dan kaunter-kaunter cawangan telah ditransformasikan secara dalam talian *(online)* di bawah *Cyber Counter MBSP*.

Serentak itu, Rozali memberitahu bahawa pentadbirannya sedang berusaha memperluaskan penggunaan *e-Dompet Booth@MBSP* dan aplikasi pintar '*PBT Pay*' meliputi pembayaran cukai taksiran, kompaun parkir serta sewaan gerai.

## Keselamatan bandar raya

Sesuai dengan status bandar raya Seberang Perai, pada bulan April tahun lalu, MBSP telah menaik taraf sistem kamera litar tertutup (CCTV) dengan 198 unit kamera baharu siap dipasang.

Rozali menyatakan bahawa 25 unit kamera itu adalah dilengkapi dengan sistem video analitik seperti *vehicle counting*, *plate recognition*, *facial recognition*, *illegal parking* dan *illegal dumping* bagi membantu kelancaran operasi tugas-tugas ditapak.

Tambah beliau, kini terdapat 242 unit CCTV termasuk 44 unit yang dipasang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Malah, MBSP juga membuat pengumuman pematuhan SOP melalui siaraya di setiap daerah bagi mengenal pasti kes serta kesalahan yang dilakukan dengan cepat dan diambil tindakan mengikut peruntukan perundangan.

"Sebagai tindakan lanjut, MBSP bercadang untuk membangunkan *city dashboard* supaya dapat mengurangkan isu kesesakan dan meningkatkan keselamatan," ulasnya.

## Harapan Datuk Bandar

Ditanya mengenai harapan secara peribadi, Rozali sekali lagi mengulangi hasratnya supaya semua penduduk Seberang Perai mendapat vaksin pada bulan Februari 2021.

"Saya juga berharap penduduk Seberang Perai bersabar dan mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

"Saya juga berdoa agar penularan wabak COVID-19 ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin dan berakhir selamanya.

"Malah, saya juga berharap warga Seberang Perai dapat mengambil bahagian secara aktif dalam Ekonomi Kitaran *(Circular Economy)*.

"Dan, turut menjadi harapan saya supaya semua warga Seberang Perai mengikuti informasi terkini dari saluran *Facebook SPCC*, *YouTube SPCC*, *Instagram SPCC*, *Telegram SPCC* dan *Twitter SPCC* di samping web rasmi MBSP, *www.mbsp.gov.my*," katanya sambil mengalu-alukan warga Seberang Perai menghubungi talian *call center* **04 - 269 6969** sekiranya menghadapi masalah berkaitan perkhidmatan ditawarkan oleh PBT berkenaan.



KEKAYAAN biodiversiti Taman Negeri Bukit Panchor.

# Sumber biodiversiti, sama-sama jayakan program penghijauan

**PULAU Pinang** adalah negeri yang mempunyai kepelbagaian spesies tumbuh-tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran hutan semula jadi (biodiversiti).

Sehingga Disember 2020, enam peratus atau kira-kira 6,568.77 hektar kawasan di negeri ini adalah litupan berhutan *(forested areas)*.

Daripada angka itu, 5,386.77 hektar ialah Hutan Simpanan Kekal yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 [Akta 313], sementara baki seluas 1,182 hektar lagi ialah Taman Negara Pulau Pinang yang diwartakan di bawah Akta Taman Negara 1980 [Akta 226].

Pengarah Perhutanan Negeri, **MUHAMMAD EZHAR YUSOF** memberitahu bahawa ada empat kawasan hutan simpan di Pulau Pinang, iaitu:-

- Taman Rimba Teluk Bahang;
- Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Tasek Gelugor;
- Taman Eko Rimba Bukit Mertajam, Cheruk To'Kun;
- Taman Negeri Bukit Panchor, Nibong Tebal.



MUHAMMAD Ezhar Yusof.

"Pada tahun 2014, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia membuat penjenamaan semula semua hutan lipur kerana melihat biodiversiti yang begitu tidak ternilai di negeri-negeri, sebagai taman eko rimba yang membawa maksud hutan sebagai salah satu cabang sektor pelancongan.

"Menurut laporan statistik yang dikeluarkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pulau Pinang berada di kedudukan kedua paling tinggi di belakang Pahang daripada jumlah pengunjung ke taman eko rimba sungguhpun negeri ini ada hanya empat sahaja taman eko rimba berbanding Pahang, 23 taman (rimba negeri)," jelasnya semasa sesi wawancara eksklusif di Taman Negeri Bukit Panchor di sini pada 8 Februari 2021.

Dengan diiringi beberapa lagi pegawai Jabatan Perhutanan Negeri, wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **AHMAD ADIL MUHAMAD** (jurugambar) dipelawa mendaki bukit kira-kira hampir 1 kilometer (km) untuk melihat petak konservasi anak pokok Pinang Angin atau nama saintifiknya *'Iguanura Corniculata'*.

"Spesies (Pinang Angin) ini sangat jarang ditemui di utara Semenanjung Malaysia, dan buat masa ini, ada dijumpai di 'taman hutan negeri' Bukit Panchor sahaja.

"Pada tahun 2005 dan 2006, Jabatan (Perhutanan) membuat bancian, ditemukan spesies (Pinang Angin) ini dalam bilangan 60 pokok sahaja di sini (Taman Negeri Bukit Panchor).

"Pinang Angin ini adalah direkodkan sebagai spesies Pinang Mania kerana mula ditemukan di Pulau Pinang, ini menambahkan lagi keunikan negeri ini sebagai sumber biodiversiti negara.

"Pulau Pinang adalah antara negeri yang kecil dalam negara tetapi ada beberapa spesies tumbuh-tumbuhan yang sukar ditemui masih ada di negeri ini," ujarnya.

Semasa temu ramah ini berlangsung, seluruh kawasan rekreasi awam di Bukit Panchor ditutup sepenuhnya, sebagaimana digariskan dalam pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0).

Selain skuad tinjauan Buletin Mutiara, di sini hanya kelihatan beberapa pekerja kontrak yang sedang melakukan kerja-kerja pengerukan dasar Sungai Buaya, iaitu satu-satunya anak sungai semula jadi yang berada di Taman Negeri Bukit Panchor.

Di sini juga terdapat pelbagai kemudahan awam seperti tapak perkhemahan serta laluan mendaki bukit yang boleh diakses secara percuma.

Di suatu sudut, kelihatan beberapa unit rumah inap dengan dekorasi unik serta berwarna-warni, yang dalam proses ditenderkan untuk pengurusan sewa tidak lama lagi.

Menjelang tengah hari ataupun lewat petang, dikatakan, hampir seluruh lantai pada kaki bukit di pintu masuk utama seakan-akan diselimuti permaidani merah kerana dilitupi daun-daun kering yang diterjah dek terik mentari.

"Tidak ada kerja-kerja pembersihan hutan di sini, semua daun yang gugur dibiarkan di bawah pokok untuk proses pengkomposan secara semula jadi serta membekalkan nutrisi kepada semua hidupan di sini," ulasnya.

## Personaliti

Muhammad Ezhar memberitahu bahawa beliau menceburi bidang perhutanan sejak tahun 1999 dan melanjutkan pengajian peringkat Diploma Perhutanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2003, seterusnya memperoleh Sarjana Muda Sains Perhutanan dekat universiti awam sama beberapa tahun kemudian.

Pada tahun 2007, baru beliau menyertai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

"Tahun ini (2021), merupakan tahun ketiga bertugas sebagai Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang iaitu sejak 2 Februari 2019," kongsinya.

Menyentuh mengenai pengalaman bertugas di Pulau Pinang, Muhammad Ezhar menzahirkan rasa gembira dengan sokongan kepimpinan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan biodiversiti negeri.

*(Sambungan di muka 14).*



POKOK Pinang Angin atau nama saintifiknya *'Iguanura Corniculata'*.

# Kerjasama cemerlang aras kemenangan perang COVID-19

**STATUS** negeri hijau atau sifar kes COVID-19 yang pernah dipegang Pulau Pinang selama 91 hari harus dijadikan penanda aras 'kemenangan' dalam peperangan melawan pandemik COVID-19 sekali lagi.

Hasil kerjasama cemerlang semua pihak di Pulau Pinang termasuk jabatan kerajaan di peringkat negeri dan Persekutuan, warga negeri serta penyelarasan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan (JKKN) COVID-19 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri memainkan peranan signifikan kejayaan melawan pandemik ketika itu sehingga negeri berjaya diisytiharkan sebagai zon hijau, ujar Ketua Polis Pulau Pinang **DATO' SAHABUDIN ABD. MANAN**, 56.




**SAHABUDIN** Abd. Manan.

"Hanya satu perkataan yang dapat mendefinisikan kerjasama yang diberikan pada ketika itu iaitu 'cemerlang'.

"Jadi ketika ini, kita (Pulau Pinang) perlu meneruskan usaha dan semangat yang sama untuk memenangi peperangan ini sekali lagi... apa yang penting adalah kerjasama," ulas beliau ketika ditemu bual wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Pulau Pinang 3 Februari lalu.

Pada tanggal 18 Mac 2020, Kerajaan Persekutuan memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 di seluruh negara termasuk Pulau Pinang sebagai usaha membendung penularan wabak COVID-19.

Bagi Sahabudin yang baru dua minggu menjawat jawatan Ketua Polis Pulau Pinang berkata bahawa pelaksanaan PKP ketika itu merupakan sesuatu yang mencabar dan tidak seperti tugasan hari biasa mengendalikan *task force* PDRM (Polis Diraja Malaysia) di negeri ini.

"Ia tidak pernah berlaku sebelum ini, jadi kita tiada rujukan bukan sahaja untuk pihak PDRM tetapi KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) juga, maknanya kita hadapi dan belajar mengendalikannya daripada mula.

"Justeru sesetengah perkara, kita perlu *trial and error*, disebabkan itulah jika hari ini prosedur operasi standard (SOP) keluar, esok dengan cepatnya telah berubah... sebab kita semua masih mengadaptasi dan cuba menyesuaikannya.

"Pada pihak PDRM Pulau Pinang sendiri, arahan yang diterima daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Ibu Pejabat Polis (Bukit Aman) juga sangat cepat berubah.

"Cabaran utama pada saya ketika itu adalah untuk memastikan semua arahan yang diterima daripada pihak atasan dapat disampaikan sepenuhnya kepada anggota bawah yang bekerja di lapangan pada tempoh PKP.

"Kadangkala, disebabkan arahan yang sering bertukar dengan cepat menyebabkan anggota di bawah tidak dapat memahami arahan secara menyeluruh, kefahaman mereka juga berbeza-beza. Bagaimanapun, kita dapat menyelesaikan hasil persefahaman dan kerjasama yang dicurahkan," kongsi anak kelahiran Terengganu berkaitan yang ramah berbicara.

Mengulas lanjut, Sahabudin menyatakan bahawa semua pihak dapat mengadaptasi situasi baharu berkenaan dan dapat menyelesaikan masalah dengan cepat.

"Disebabkan kerjasama oleh banyak pihak khususnya MKN, KKM serta pihak Kerajaan Negeri yang sangat-sangat membantu PDRM, membolehkan tugas-tugas kita menjadi lebih mudah," ujarnya sambil menzahirkan penghargaan dan terima kasih terhadap kepimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Kerajaan Negeri yang banyak memberikan kerjasama serta menghulurkan sumbangan kepada PDRM Pulau Pinang.

## Cabaran

Dalam menjaga keselamatan awam pada tempoh tersebut, anggota PDRM tidak terlepas daripada dijangkiti wabak berbahaya itu apabila seramai 498 anggota, pegawai dan keluarga PDRM Pulau Pinang terpaksa dikuarantin ekoran positif COVID-19.

Menjelaskan perkara tersebut, Sahabudin berkata bahawa kebanyakan mereka merupakan kontak rapat kepada pesakit positif dan ada di antaranya dijangkiti daripada orang kena tuduh (OKT).

"Bagi mengimbangi aspek keselamatan dan kesihatan anggota di lapangan, setiap petugas memang diarahkan untuk memakai kelengkapan perlindungan diri seperti pelitup muka, penyediaan pensanitasi tangan dan lain-lain yang mana faktor kesihatan adalah amat diberikan penekanan.

"Malah, para anggota juga sering diingatkan supaya mengamalkan penjarakan fizikal ketika melakukan pemeriksaan atau kawalan," jelas bapa kepada lapan cahaya mata tersebut.

Difahamkan, kadar pematuhan SOP di Pulau Pinang berada pada tahap baik iaitu 98 peratus.

Sahabudin memberitahu bahawa terdapat 45 sekatan jalan raya (SJR) dilaksanakan di seluruh negeri ini dengan membabitkan kekuatan anggota seramai 843 anggota pada tempoh PKP 2.0.

"Setiap SJR diketuai oleh PDRM sambil dibantu oleh ATM, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan sukarelawan polis.

"Selain itu, seramai 632 anggota pelbagai peringkat lain ditugaskan untuk melaksanakan *task force* pematuhan SOP mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," tambah beliau.

## Kadar jenayah

Ditanya mengenai kadar jenayah di negeri ini, Sahabudin dalam nada lega memaklumkan bahawa pada tempoh PKP 1.0 lalu, kadar jenayah di Pulau Pinang menurun sebanyak 30 peratus berbanding tempoh sama tahun 2019.

"Mungkin saya agak 'beruntung' daripada segi itu kerana baharu dua minggu bertugas di Pulau Pinang, PKP pun dilaksanakan yang mana semua orang terbatas pergerakannya dan terpaksa duduk di rumah, sekali gus menyumbang kepada penurunan kadar jenayah sebanyak 30 peratus di negeri ini.

"Tetapi, dalam tempoh tersebut menyaksikan peningkatan laporan jenayah komersial membabitkan penipuan penjualan pelitup muka adalah amat ketara yang mana dari tempoh 1 Januari sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 91 kes telah dilaporkan membabitkan jumlah kerugian berjumlah RM3,561,952.36 dengan 19 tangkapan.

"Serentak itu, PDRM juga agresif dalam usaha membanteras judi *online* dengan kejayaan penguatkuasaan 103 premis telah dipotong bekalan elektrik dan 53 akaun aset disita dengan nilai RM447,181 pada tahun 2020.

"Manakala, bagi jenayah narkotik, nilai rampasan dadah bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM48,738,985.70 berbanding tahun 2019 (RM15,324,344.70) iaitu peningkatan 218 peratus. Dalam pada itu, harta sitaan pula adalah berjumlah RM397,257,971.90 pada tahun 2020 berbanding 2019 (RM10,049,649.21)," maklumnya sambil memberi penegasan agar jangan sewenang-wenangnya menjadi mangsa dan terlibat dalam kancah jenayah.

## Latar belakang

Siapa sangka, Sahabudin yang merupakan seorang yang peramah tetapi tegas dalam bidang penugasan beliau sebenarnya berkelulusan kejuruteraan elektrik dari *University of the Pacific, Stockton, California*.

Beliau mula menceburi dunia kepolisian pada tahun 1988 apabila difikirkan bidang berkaitan dapat mendisiplinkan dirinya.

Sahabudin ditempatkan di Unit Udara PDRM (UUP) lebih daripada tempoh 16 tahun yang membolehkan beliau mengaplikasikan minatnya dalam ilmu kejuruteraan. Sebelum ditukarkan ke Pulau Pinang, beliau merupakan Timbalan Pengarah I Jabatan Logistik dan Teknologi Bukit Aman selain pernah menyandang beberapa jawatan lain antaranya, Timbalan Ketua Polis Negeri Kedah, Ketua Penolong Pengarah Komunikasi dan Jurutera Elektrikal dan Avionik, malah, beliau juga merupakan jurutera penyelenggaraan kapal terbang berlesen.

Mengakhiri sesi wawancara berkaitan, Sahabudin turut berkongsi bahawa ketika menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah Komunikasi di Bukit Aman, beliau telah membangunkan sistem telesidang khas untuk kegunaan seluruh kontinjen dan kini ia masih lagi digunakan sepenuhnya oleh pasukan keselamatan berkenaan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
| --- | --- |
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
| --- | --- |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
| --- | --- |
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
| --- | --- |
| **N.01 PENAGA** | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
| --- | --- |
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

**TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!**

PENANG 2030

# Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: 'Mask kita'

HADIAH UTAMA
Pertama: RM400
Kedua: RM300
Ketiga: RM200



1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu mereka bentuk pelitup mulut bertemakan "Penang Lawan COVID-19" dengan logo serta hashtag #kitajagakita;
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, 31 Mac 2021.

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ....................

No.Kad Pengenalan : ....................

Alamat : ....................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ....................

*Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.*

**penanglawancovid19**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Harryzan Yaakub | 019 - 456 8484 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Bee Hong | 019 - 458 8321 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Nirmala | Seberang Perai Utara<br>Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 4. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |
| 5. | R. Thivyashri Naidu | Pentadbir Bahagian Kewarganegaraan | | No. Pejabat<br>04 - 650 5556 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 013 - 431 9384 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Kim Noor | 04 - 229 8382 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com


## Layari

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10010
Peminjam : LAW YON CHIAN - 83100207****
NO.2863 TINGKAT SELAMAT 7, KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : BEH HOCK HWA - 72052607****
1572 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : TEOH GIN HOAY - 69071708****
302 JALAN PERAK 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10140
Peminjam : MOHD HAZLAMI BIN ZULKIPLI - 86123135****
NO.1251 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZULKIFLI BIN MAT - 63032907****
1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUREZA SHAMIN BT MUHAMMAD - 73091307****
33-4-28 TAMAN PEKAKA , JALAN PEKAKA SATU, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 10327
Peminjam : MOHD NASEER BIN ABU BAKAR - 82041807****
2252 TAMAN MELATI , PADANG SERAI 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN MUHAMAD - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 2252 TAMAN MELATI 09400 PADANG SERAI , KEDAH
Penjamin 2 : SAIFUL IMRAN BIN MOHAMED YUSOF - 76060508****
NO 39 JALAN IB9 , TAMAN INTAN BAIDURI 43900 SEPANG, SEANGOR

No Akaun : 10373
Peminjam : YEOH KAH PIN - 83060407****
1-A6-1 TAMAN KILANGIN, , JALAN SUNGAI 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH KOK HIN - 55052507****
1-A6-1 TAMAN KILANGIN, JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARAVANAN A/L PARASU RAMAN CHETTY - 69040907****
8B-3-2 GAT LEBUH MACALLUM, KOMPLEKS PULAU MUTIARA 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 10507
Peminjam : K RANJINI A/P KALIDASS - 78112702****
NO.1 LORONG PALA SATU, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SANTHA KUMARI A/P NP RAJENDRAN - 62062408****
NO. 175 JALAN 2/2, TAMAN WIRA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : KALIDASS A/L P APPADURAI - 51090707****
NO. 1 LORONG PALA 1, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10552
Peminjam : CHAN YUK CHOON - 81082407****
12-02 KELISA JAYA RESIDENCE, JALAN KELISA EMAS 8, 13700 PERAI
Penjamin 1 : CHAN SHWU WEN - 77012702****
NO.104 TAMAN SRI KULIM 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : TAN HOP YEE - 55011502****
NO.1448 JALAN 4 , TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10624
Peminjam : SITI SARAH BINTI AHMAD IBRAHIM - 81053007****
1098 JALAN S2 G24/1, GARDEN AVENUE 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : MOHAMAD SAFARI BIN AHMAD IBRAHIM - 76021802****
NO. 18 JALAN SEKSYEN 1/9, TAMAN KAJANG UTAMA 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2 : SITI NORLIDA BINTI MOHAMED - 75090906****
NO. 18 JALAN SEKSYEN 1/9, TAMAN KAJANG UTAMA 43000 KAJANG, SELANGOR

No Akaun : 10651
Peminjam : ARVIND A/L POOBALAN - 82031007****
1-9-24 DESA PUTRA, PERSIARAN BAYAN INDAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MALLIKA A/P VEERAPPAN - 57072610****
1-9-24 PERSIARAN BAYAN INDAH TIGA, DESA PUTRA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SIVA PRAKASH A/L SHANMUGAM - 68083107****
NO.22 CHANGKAT MINDEN, JALAN 16, MINDEN HEIGHTS 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10735
Peminjam : NORSIAH BINTI MOHAMED - 65030107****
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, WISMA KASTAM DIRAJA MALAYSIA,GAT LEBUH CINA 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD HASSAN BIN MD ISA - 65062202****
755 JALAN KOBIS 3, TAMAN KOBIS 3, LUNAS 09600 KEDAH
Penjamin 2 : SHOFI BIN MOHAMAD - 57092807****
3491 LORONG SELASIH 2F 4 , TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10784
Peminjam : ZURAIDA BINTI MOHD. ROMLI - 80091507****
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA, JALAN HAMZAH, AMPANG PECAH 44000 KUALA KUBU BARU, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD HASNIZAM B MOHAMAD SHAHRANI - 79062308****
A4 KUARTERS DARUL QURAN, JAKIM, JALAN HAMZAH, AMPANG PECAH, 44000 KUALA KUBU BARU, SELANGOR
Penjamin 2 : MOHD HAIRI BIN SHAHARI - 80101708****
2328 FELDA GUNUNG BESOUT DUA 35600 SUNGKAI, PERAK

No Akaun : 10861
Peminjam : MOHAMED HASHIM BIN MOHD YUSUFF - 86022635****
NO.27 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHAMED HEIZAL BIN MOHAMED YUSUFF - 77112014****
27 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NURWATI BINTI ABDUL WAHAB - 79082971****
61 JALAN 5, MINDEN HEIGHTS 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10954
Peminjam : HARRIS BIN RAHUMAD TULLAH - 85062502****
PEJABAT AGAMA DAERAH TIMUR LAUT, PARAS 34 KOMTAR 10000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAITON BINTI MYDIN PITCHEY - 63062102****
